

12 JUN 2004

Islam-Kit Siang

TINDAKAN KIT SIANG MAHU PULIHKAN PENGARUHNYA, KATA ZAINUDIN

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Tindakan Ketua Pembangkang Lim Kit

Siang mempersoalkan perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam

dianggap sebagai satu helah untuk memulihkan pengaruhnya, kata Timbalan

Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin.

"Kenyataan Kit Siang itu saya kira dia telah membuat satu bentuk `perhitungan baru' untuk memulihkan kembali pengaruhnya," katanya di sini, hari ini.

Tambahnya lagi, dengan menuding jari kepada kerajaan yang ada sekarang ini, Lim seperti mahu menakut-nakutkan orang ramai terutamanya bukan Islam terhadap pengiktirafan seperti itu.

Tetapi hakikatnya, rakyat sekarang ini sama ada Islam atau bukan Islam tidak menghadapi situasi seperti mana yang digambarkan oleh Lim kerana hak-hak mereka tidak terjejas, katanya.

Zainudin berkata lagi, rakyat kini juga merasa lebih terjamin daripada keadaan sebelum pilihan raya.

Zainuddin turut mengingatkan Lim bahawa rakyat yang ada sekarang ini bukan lagi seperti rakyat yang diwakilinya dalam pilihan-pilihan raya sebelum ini.

"Kebanyakan mereka lebih bijak dalam melihat `warnanya' yang sebenar," kata beliau.

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 8 Jun lepas, Lim mempersoalkan perisytiharaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 2001, sehingga menimbulkan pertikaman lidah antara Lim dan beberapa penyokong kerajaan.

Lim berkata, berdasarkan perlembagaan dan kontrak sosial, Malaysia sebuah negara demokrasi sekular dengan agama rasminya adalah Islam dan oleh itu negara ini tidak boleh dianggap negara Islam atas apa jua ciri atau perisytiharan.

Beliau juga berkata Ketua Pembangkang itu ada mempersoalkan negara Islam ala Barisan Nasional (BN) ketika membahaskan titah Diraja di Parlimen hari itu.

"Saya telah cuba bangun berkali-kali untuk bertanya soalan tetapi beliau tidak memberi jalan...ini adalah kerana beliau telah mengungkitkan dan mempertikaikan negara Islam Malaysia.

-- BERNAMA

SR PR